

LEMBAGA TABUNG HAJI

RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-33 MUSIM HAJI 1438H

25 – 28 November 2016 (Jumaat hingga Isnin)
bersamaan 25 Safar hingga 28 Safar 1438H

Tempat : **TH** Hotel & Convention Centre, Terengganu

KERTAS KERJA PERTAMA

HAD LARANGAN DALAM IHRAM YANG MEMBOLEHKAN TIDAK MEMAKAI IHRAM BAGI LELAKI SELEPAS DARIPADA BERNIAT IHRAM HAJI (DALAM MASA DHARURAH)

1. Miqat bagi jemaah yang memasuki Makkah hendaklah dari miqat yang telah ditetapkan oleh syarak mengikut arah masuk ke Makkah dan diwajibkan berpakaian ihram.
2. Jemaah lelaki berniat ihram di miqat tanpa memakai pakaian ihram kerana menghadapi masalah dengan pihak berkuasa. Jika berpakaian ihram ia akan menyebabkan jemaah tersebut tidak boleh memasuki Makkah. Dalam masalah ini dibolehkan tidak memakai pakaian ihram kerana masyaqah tersebut dan dikehendaki memakai pakaian ihram dengan segera apabila ia tiba di bangunan penginapan di Makkah. Dia tidak berdosa tetapi dikenakan dam takhyir dan taqdir. Sekiranya ia melengah-lengahkan menukar pakaian ihram, dia berdosa.

KERTAS KERJA KEDUA

TAHAP ISTITO'AH MELAKSANAKAN IBADAT HAJI BAGI YANG TELAH LANJUT USIA

1. Istito'ah bermaksud kemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah. Istito'ah terbahagi kepada dua. Kemampuan dengan diri sendiri, kemampuan dengan pertolongan orang lain.
2. Individu lanjut usia yang tidak mampu mengurus diri, wajib dibadalkan jika berkemampuan dari segi kewangan.
3. Individu yang menghidapi penyakit yang tidak ada harapan sembuh dan penyakit kronik yang disahkan oleh Doktor Pakar, tidak wajib menunaikan haji dengan sendiri dan wajib dibadalkan jika berkemampuan dari segi kewangan.
4. Individu yang sakit pada tahun semasa dan tidak sembuh pada tahun tersebut, tidak wajib untuk menunaikan fardhu haji pada tahun itu. Jika masih belum sembuh dan berlaku kematian, wajib dibadalkan sekiranya berkemampuan dari segi kewangan.

KERTAS KERJA KETIGA

KAEDAH PENANGGUHAN HAID SEMASA UMRAH DAN HAJI : PENJELASAN DARI ASPEK KESIHATAN

1. Jemaah wanita dibolehkan menggunakan pil penahan haid semata-mata untuk mengelak daripada keluar haid semasa haji dan umrah kerana untuk mengambil kesempatan beribadat di Tanah Suci dan semasa Masya'ir.
2. Jemaah wanita dibolehkan mengambil pil penahan haid bertempoh untuk memendekkan tempoh kedatangan haid.
3. Tempoh penahan haid hanyalah untuk satu-satu tempoh musim haji dan umrah.
4. Sebelum mengambil pil penahan haid, perlu nasihat Doktor Pakar beberapa bulan sebelum berangkat ke Tanah Suci dan mengikut peraturan-peraturan bagi mengelakkan kecelaranan haid.

PERMASALAHAN HUKUM DALAM MASA IBADAT HAJI 1437H

1. Amalan-amalan haji dan umrah lampau yang baru diragui kesahihannya, tidak memberi apa-apa kesan dari segi hukum jika dia yakin sah ketika melaksanakannya dahulu.
2. Amalan-amalan haji dan umrah lampau yang diyakini tidak sah mengikut Mazhab Syafie maka boleh bertaqlid kepada mazhab lain untuk mengesahkannya jika ada.
3. Niat bersyarat:-
 - 3.1 niat bersyarat tidak digalakkan (dilarang keras) dalam melaksanakan haji kerana dibimbangi tidak mendapat haji pada tahun tersebut.
 - 3.2 tidak harus niat bersyarat untuk bertahallul tanpa ada keuzuran atau dengan katanya "aku jadi halal sekiranya aku kehendaki".
 - 3.3 contoh niat bersyarat yang dibolehkan ada tiga cara:-
 - i. "sahaja aku mengerjakan umrah dan berihramlah aku dengannya, sekiranya haid/ sakit berlaku aku akan jadi halal".
(tanpa perlu niat tahallul, gunting dan menyembelih)
 - ii. "sahaja aku mengerjakan umrah dan berihramlah aku dengannya, sekiranya haid/ sakit berlaku aku akan bertahallul".
(perlu berniat tahallul semasa bergunting)
 - iii. "sahaja aku mengerjakan umrah dan berihramlah aku dengannya, sekiranya haid/ sakit berlaku aku bertahallul dengan menyembelih kambing".
(perlu berniat bertahallul semasa menyembelih kambing)

Peringatan : dicadangkan cara (i) sahaja diajar kepada jemaah umrah berdasarkan kepada pandangan Mazhab Syafie (Kitab Bayan Fil Mazhabi Imam Syafie).

4. Haid juga termasuk dalam halangan syarak.
5. Yang dimaksudkan dengan uzur dalam masalah niat bersyarat ialah masyaqqah atau halangan yang tidak dapat ditanggung pada kebiasaannya oleh seseorang semasa ihram.

KERTAS KERJA KELIMA

FALSAFAH HAJI : SIFAT RASULULLAH S.A.W MELAYANI WARGA EMAS

1. Menyantuni golongan lemah dan lanjut usia yang menunaikan haji dan umrah merupakan sifat mulia dan terpuji serta amalan mengagungkan Allah S.W.T dan mempunyai nilai ta'abbudi.
2. Agama Islam Al-Hanif membawa ajaran yang bercirikan mudah dan penuh kerahmatan. Berasaskan prinsip ini, golongan lemah dan lanjut usia diberi rukhsah dalam melaksanakan manasik haji dan umrah mengikut tahap keupayaan mereka serta mengatasi masyaqqah yang mendatang selagimana tidak menjaskan hukum.
3. Melayani dan menyantuni warga emas memerlukan kepada kesabaran yang tinggi dan setiap layanan kita diberi ganjaran yang setimpal.

